

Rocambole dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Awal

MONIQUE ZAINI-LAJOUBERT

ABSTRAK

Rocambole adalah sebuah cerita bersambung Perancis karya Ponson du Terrail (1829-1871). Siri cerita ini sangat popular pada masa itu sehingga ia diterjemahkan ke dalam banyak bahasa, termasuk bahasa Melayu. Dalam bahasa Melayu terdapat dua versi: versi Malaysia dan versi Indonesia. Keduanya belum dikaji secara mendalam. Dalam artikel ini versi-versi Melayu tersebut diselidiki daripada berbagai-bagai segi, termasuk pencipta Rocambole, Ponson du Terrail, penterjemah/penyadur karya ini ke dalam bahasa Melayu, Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi dan Lie Kim Hok, karya Perancisnya dan perbandingan kedua-dua versi Melayunya.

Kata kunci: Ponson du Terrail, Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi, Lie Kim Hok

ABSTRACT

Rocambole is a French serial written by Ponson du Terrail (1829-1871). It is so popular that it has been translated into many languages, including Malay. There are two Malay versions of this serial, namely a Malaysian and an Indonesian, both of which have not been studied in depth. This article endeavours to analyse both versions from several aspects, including the writer of Rocambole, Ponson du Terrail, the translators/adaptators of the Malay versions, Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi and Lie Kim Hok, and the original French serial. A comparison of the two Malay versions is also attempted.

Key words: Ponson du Terrail, Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi, Lie Kim Hok

PENGENALAN

Dalam bahasa Melayu ada dua versi *Rocambole* karya pengarang popular Perancis abad ke-19, iaitu Ponson du Terrail (1829-1871). Yang pertama ialah versi Malaysia (1928-1934) yang disusun oleh Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi (1867-1934) dan dicetak dalam tulisan jawi. Yang kedua ialah versi Indonesia yang dikerjakan oleh Lie Kim Hok (1853-1912) dan dicetak dalam tulisan rumi (1910-1913).

Kedua-dua versi Melayu ini jarang diperkatakan dan sepanjang pengetahuan saya, belum pernah diselidiki. Walaupun William Roff (1974) adalah satu-satunya pengkaji yang telah memperkatakan cerita *Rokambol* dengan mendalam dalam sebuah artikel, tetapi fokusnya adalah versi Malaysia daripada cerita-cerita detektif Amerika Nick Carter. Cerita-cerita ini diterjemahkan/disadur oleh Muhammad bin Muhammad Said (1888-1939) ke dalam bahasa Melayu dengan tajuk *Cheritera Kechurian Lima Million Ringgit* yang diterbitkan pada 1922. Dalam artikel itu, Roff tidak membahas teks-teks Melayu daripada cerita *Rokambol*, tetapi unsur-unsur luar daripada cerita itu, seperti karya bahasa Perancisnya, kemungkinan adanya terjemahan dalam bahasa Arab yang dipakai oleh Syed Syeikh untuk menyusun versi Melayu-nya. Dia juga bertanya sama ada terdapat pengaruh versi Lie Kim Hok pada versi Syed Syeikh atau tidak. Pendek kata, dalam kajian yang sangat menarik itu, diajukan pertanyaan yang betul-betul relevan, tetapi belum terjawab. Dalam artikel ini, saya cuba mengemukakan jawapan ke atas beberapa pertanyaan itu. Terlebih dahulu, saya akan memberi penerangan mengenai pencipta *Rocamboles* dan kedua-dua orang penterjemah/penyadurnya ke dalam bahasa Melayu.

PONSON DU TERRAIL PENCIPTA *ROCAMBOLE*

Sumber saya untuk menulis bahagian ini adalah kata pengantar Laurent Bazin pada edisi 1992 daripada *Les Exploits de Rocamboles* (Perbuatan-perbuatan Rokambol yang luar biasa) dan *La Résurrection de Rocamboles* (Kelahiran kembali Rokambol). Ponson du Terrail adalah seorang pengarang Perancis yang sangat popular dan prolific pada zamannya. Jumlah karya pengarang cerita-cerita bersambung ini luar biasa banyaknya. Antaranya ialah *Les Coullisses du monde* (Hal-hal yang tersembunyi di dunia), *La Baronne trépassée* (Wanita bangsawan bergelar Baronne yang menemui ajalnya), *Les Cavaliers de la nuit* (Penunggang-penunggang kuda malam hari), *La Dame au gant noir* (Wanita yang bersarung tangan hitam), *La Jeunesse du roi Henri* (Masa remaja Raja Henri), *Les Drames de Paris* (Drama-drama Paris). Dalam karyanya yang terakhir inilah dia menceritakan selama tiga belas tahun (1857-1870) cerita *Rokambol* yang tidak diselesaikannya. Cerita ini mendapat sambutan yang luar biasa, bukan sahaja di Perancis, tetapi juga di negara lain sehinggalah telah diterjemahkan ke dalam banyak bahasa, termasuk berbagai-bagai bahasa Eropah, bahasa Arab dan Melayu. Watak ini, yang petualangannya luar biasa dan sering kali tidak masuk akal, menjadi begitu termasyhur sehingga muncul dalam bahasa Perancis satu kata sifat 'rocambolesque' (yang penuh bahaya, banyak petualangan yang luar biasa) yang masih terpakai sampai sekarang, sedangkan karya dan pengarangnya sudah dilupakan orang.

Kedua-dua orang penterjemah/penyadur *Rocamboles* ke dalam bahasa Melayu ini telah mengetahui karya itu melalui pengaruh budaya sesuai dengan sejarah negara mereka masing-masing dan juga pengalaman mereka.

SYED SYEIKH BIN SYED AHMAD AL-HADI

Syed Syeikh bin Syed Ahmad al-Hadi lahir di Melaka pada tahun 1867. Ibunya seorang Melayu, bapanya seorang Arab. Sebagai anggota golongan Syed, keluarganya sangat dihormati dalam masyarakat Melayu dan juga di kalangan istana. Sesudah menerima pendidikan Islam, Melayu dan Arab, Syed Syeikh dibawa orang tuanya ke Pulau Penyengat (Riau), yang pada masa itu adalah pusat kesusasteraan, intelektual dan kebudayaan termasyhur, bebas daripada kekuasaan Belanda. Di sana, dia diambil sebagai anak angkat oleh Raja Haji Ali Kelana bin Al-Marhum Sultan Muhammad Yusoff al-Hadi dan melanjutkan pendidikannya di sekolah Melayu. Oleh bapa angkatnya dia juga pernah dikirim bersama-sama anak-anak bapa angkatnya ke Mesir dan ke Arab Saudi. Di Mesir, dia mengikuti pengajaran reformis Muslim yang termasyhur, Muhammad Abduh. Sekembalinya dari Mesir, selain membuka madrasah Al-Iqbal, dia juga mendirikan majalah *Al-Imam* (1906-1908) di Singapura bersama-sama tokoh-tokoh yang lain, seperti Syeikh Tahir Jalaluddin. Majalah ini menyebarkan fikiran reformis Islam. Menurut mereka, *Al-Quran* seharusnya ditafsir dengan memakai akal, Islam mesti kembali ke sumbernya, membebaskan diri dari semua tahayul dan menerima fikiran Barat yang tertentu, supaya dunia Islam boleh mencapai peringkat perkembangan yang sama dengan dunia barat.

Kegiatan Syed Syeikh al-Hadi bermacam-macam lagi, selain yang telah disebut tadi. Selama beberapa waktu, dia memimpin kilang bata milik bapa angkatnya di Pulau Batam. Dari tahun 1909 hingga tahun 1915, dia menjadi peguam syariah di Johor Bahru. Kemudian, dia mendirikan Madrasah Al-Hadi di Melaka untuk membolehkannya menyampaikan ajaran Islam yang progresif daripada Muhammad Abduh. Tetapi, orang-orang Melayu yang konservatif ketika itu belum bersedia untuk menerima fikiran-fikiran yang barunya itu. Akhirnya dia terpaksa menutup madrasah itu. Dia kemudian berpindah ke Pulau Pinang dengan masyarakatnya yang lebih terbuka dan mendirikan Madrasah Al-Masyhur pada tahun 1919. Di situ dia menerbitkan novelnya yang termasyhur *Hikayat Setia Asyik kepada Masyuknya atau Syafik Afandi dengan Faridah Hanom* (1925-1926) yang sampai sekarang masih belum diketahui sama ada ia berupa karya terjemahan/saduran atau karya asli. Novel ini dikecam hebat oleh golongan tua kerana mengandungi fikiran baharu mengenai wanita, terutama sekali dalam bidang pendidikan dan pemilihan jodoh. Namun, dia mendapat sambutan yang luar biasa daripada masyarakat. Kejayaan itu membolehkannya mendirikan Jelutong Press, syarikat penerbitannya sendiri, pada tahun 1927. Syarikat inilah yang mencetak majalah-majalah *Al-Ikhwān* (1926-1928 [Majalah ini mula-mula dicetak oleh The British Malaya Company]) dan *Saudara* (1928-1941), yang juga menerbitkan, antara lain, petualangan *Rokambol*.

Dia seorang penterjemah, penulis esei, pemikir dan pengajar. Semua karya sasteranya adalah terjemahan atau saduran dari Timur Tengah, seperti *Hikayat Taman Cinta Berahi atau Hikayat Mahir Afandi dengan Iqbal Hanum* (1928);

Hikayat Anak Dara Ghassan atau Hindun dengan Hammad (1928-1929), kecuali barangkali *Hikayat Setia Asyik kepada Masyuknya atau Syafik Afandi dengan Faridah Hanom*, yang, seperti saya katakan di atas, belum diketahui apakah novel ini karya asli atau terjemahan/saduran. Dia juga menterjemahkan esei seperti tulisan-tulisan Muhammad Abduh [(lihat misalnya *Tafsir Juz Amma* (1927))] dan buku muridnya Qasim Amin Bey *Tahrir al-Mar'ah* (Emansipasi Wanita) dengan Tajuk *Alam Perempuan* (1926). Melalui tulisan-tulisan dan kursus-kursusnya, dia menyampaikan moral dan fikiran reformis Islam untuk memajukan orang senegerinya, orang-orang Melayu. Menurut beliau, keterbelakangan orang Melayu disebabkan unsur kolot yang terdapat dalam sistem tradisional Melayu, selain faktor politik dan perpecahan sosial di bawah tangan penjajah Inggeris, terutama sekali dalam bidang pendidikan, yang mengutamakan orang Cina dan India, maka mengorbankan kepentingan orang Melayu. Dia juga sangat prihatin terhadap situasi kaum wanita, maka telah menganjurkan emansipasi mereka, terutama sekali dengan perantaraan pendidikan.

LIE KIM HOK

Lie Kim Hok adalah peranakan Cina yang lahir di Bogor, Jawa Barat, pada tahun 1853. Dia dididik di sekolah Belanda yang dipimpin oleh guru-guru Injil dan belajar di suatu sekolah Cina selama beberapa tahun. Mula-mula sekali dia bekerja sebagai guru dan menulis buku pelajaran untuk murid-muridnya; tetapi kerana gajinya sangat kecil, dia mencari pekerjaan di dunia penerbitan. Dia bekerjasama dengan penerbit dan pencetak van der Linden. Setelah kematian van der Linden, dia mendirikan syarikat penerbitannya sendiri di Bogor pada tahun 1885, yang bernama Lie Kim Hok Co. Setahun kemudian, dia menerbitkan akbar *Pembrita Betawi*. Oleh kerana persaingan sengit pada waktu itu, dia terpaksa menjual syarikat penerbitannya pada tahun 1887. Akhirnya, pada tahun 1890, dia berjaya memperolehi pekerjaan yang tetap di firma salah seorang kawannya. Lie Kim Hok dikatakan sangat prolific, kerana dari tahun 1890 sehingga kematiannya pada tahun 1912, dia tidak berhenti mengarang dan menterjemahkan novel bersambung dan banyak makalah terutama sekali dari bahasa Belanda dan Cina. Dia juga menyusun tatabahasa Melayu Betawi yang pertama (1884). Pada tahun 1886, dia menerbitkan *Syair Siti Akbarinya*, yang disadurnya daripada *Syair Abdul Muluk* (1846), daripada karya pengarang wanita Riau, Zaleha yang sangat disukai pembaca. Selain itu, dia memainkan peranan yang penting dalam persatuan sosial, seperti Persatuan Cina yang bertujuan menyebarkan ajaran Konfucius dan pendidikan peranakan Cina di India Belanda.

Daripada biodata ringkas kedua-dua orang penterjemah/ penyadur itu telah kelihatan persamaan dan perbezaan antara mereka berdua. Kedua-dua orang itu keturunan darah campuran. Sekiranya Syed Syeikh al-Hadi peranakan Arab, Lie Kim Hok pula peranakan Cina. Mereka hidup pada masa yang hampir sama. Lie

Kim Hok di bawah penjajahan Belanda, Syed Syeikh di bawah penjajahan Inggeris. Mereka menerima pendidikan yang berbeza alirannya: Belanda dan Cina bagi Lie Kim Hok, sementara Melayu dan Arab bagi Syed Syeikh al-Hadi. Oleh kerana itu, tidaklah hairan kalau bahasa asal yang mereka pergunakan untuk menterjemahkan/menyadur *Rocambole* ke dalam bahasa Melayu tidak sama. Lie Kim Hok mungkin daripada bahasa Belanda; Syed Syeikh al-Hadi mungkin daripada bahasa Arab. Apakah ada kemungkinan mereka menterjemahkan karya ini daripada bahasa Perancis? Tidak ada tanda yang boleh membuktikannya.

Saya belum menemui terjemahan/saduran *Rocambole* yang menjadi sumber kedua-dua versi Melayu. Oleh kerana itu, dalam artikel ini saya sekadar memperbandingkan kedua-dua versi Melayu itu dengan karya aslinya yang berbahasa Perancis. Sebelum itu, saya ingin memberi sedikit penerangan mengenai karya yang berbahasa Perancis.

LES DRAMES DE PARIS DAN SAMBUNGANNYA

Les Drames de Paris yang mula diterbitkan dalam akbar *La Patrie* pada tahun 1857 itu terdiri daripada dua siri. Siri yang pertama dibahagi pula ke dalam beberapa bahagian. Rokambol muncul dalam bahagian pertama yang bertajuk *L'héritage mystérieux* (Warisan yang bermisteri) sebagai watak sampingan. Pada mulanya, Rokambol adalah seorang 'anak yang berumur 12 tahun, yang sifatnya suka mengejek, kurang ajar dan sudah bertabiat menggelapkan wang' (un 'bambin de douze ans, malicieux et insolent, déjà corrompu') (Bazin 1992: xxii). Dia menjadi dewasa seiring dengan perkembangan cerita. Dalam bahagian yang kedua yang bertajuk *Le Club des valets de coeur* (Kelab Pekak-pekok lekuk), peranannya sudah menjadi lebih penting. Dalam bahagian ini, dia adalah orang kanan kepada Andréa, 'penjelmaan Kejahatan' (le génie du Mal) (Bazin 1992: xxi). Hanya dalam bahagian yang ketiga dan juga merupakan bahagian yang terakhir daripada siri pertama *Les Drames de Paris*, yakni *Les Exploits de Rocambole* (Perbuatan-perbuatan Rokambol yang luar biasa), Rokambol menjadi watak utama, dan sekaligus tidak bekerjasama lagi dengan Andréa. Dia melakukan kejahatan atas namanya sendiri.

Sesudah bahagian ini, Ponson menerbitkan petualangan Rokambol yang lain, yakni *Les Chevaliers du Clair de Lune* (Kesatria cahaya bulan). Episod ini tidak mendapat sambutan baik daripada pembaca. Ini mungkin kerana dalam episod yang terakhir daripada *Les Exploits*, yakni *La Revanche de Baccarat* (Pembalasan dendam Baccarat), Rokambol dibuat cacat mukanya dengan cecair vitriol. Dengan itu, dia tidak menarik lagi. Lihat contoh halaman pertama karya Perancis Ponson du Terrail *La Résurrection de Rocambole* di Lampiran I. Akibatnya, Ponson menghentikan cerita yang bersambung-sambung itu secara mendadak dengan suatu kalimat yang penuh misteri, yakni: 'Dan Rokambol? Sudah mati atau masih hidup? tidak ada seorang pun yang tahu...' (Et Rocambole?

Est-il mort, est-il vivant? nul ne le sait...). Kalimat ini mendorong keinginan pembaca untuk mengetahui sambungan ceritanya (Bazin 1992: xxxiv).

Berselang tiga tahun kemudian, pada tahun 1865, Ponson du Terrail menghidupkan kembali Rokambol dalam buku pertama daripada siri baru *Les Drames de Paris* yang terbit dalam akbar *Le Petit Journal* dengan tajuk *La Résurrection de Rocambole* (Kelahiran kembali Rokambol). Dia tidak menghiraukan *Les Chevaliers du Clair de Lune* dan melanjutkan dengan petualangan Rokambol sesudah *La Revanche de Baccarat*, yakni bahagian terakhir daripada *Les Exploits de Rocambole*. Tetapi, ceritanya dirobahnya sedikit. Wajah Rokambol tidak cacat seperti dalam *La Revanche de Baccarat*, maka tetap memikat seperti dahulu. Cerita baru ini bermula di rumah penjara Toulon (Perancis bahagian Selatan) dan bukan di rumah penjara Cadix (Sepanyol) seperti Rokambol berada di akhir siri pertama *Les Drames de Paris*. Dalam *La Résurrection*, Rokambol adalah orang penjahat yang telah bertaubat kerana melarikan diri dari penjara Toulon untuk membela orang yang tertindas. Kemudian, Ponson menerbitkan cerita-cerita *Rokambol* yang lain: *Le dernier Mot de Rocambole* (Perkataan terakhir Rokambol), *Les Misères de Londres* (Kesengsaraan London) dan *Les Démolitions de Paris* (Pembongkaran Paris). Dalam *Le dernier Mot de Rocambole* dan *Les Misères de Londres*, Rokambol mengembara. Dalam *Le Dernier Mot*, dia melawan Thugs di India. Dalam *Les Misères de Londres*, dia pergi ke England, mainkan peranan sebagai detektif di London dan menyokong perjuangan orang Ireland (Bazin 1992: xlv). Pada tahun 1870, dia menulis lagi sebuah cerita Rokambol, yakni *La Corde du Pendu* (Tali untuk orang yang digantung) (Ibid: xlv). Tetapi, ketika itu perang meletus. Pada tahun itu juga, dia menganggap bahawa ‘masa fiksi sudah lalu’ (*l’heure des fictions est passée*), kerana keadaan terlalu dramatik. Dia berhenti menulis dengan meninggalkan Rokambol dalam keadaan belum selesai. Sampai di sini saya akan mengupas versi-versi Melayu Rocambole selanjutnya.

VERSI SYED SYEIKH BIN SYED AHMAD AL-HADI

Menurut Za’ba (1939), Roff (1974), Talib Samat (1992) dan lain-lain, terdapat tujuh buah buku Rocambole yang telah diterbitkan sebagai cerita bersambung dalam *Al-Ikhwān* dan *Saudara* mulai tahun 1928. Kemudian dikumpulkan dalam tujuh buah buku yang senarainya, menurut Za’ba (1939: 154) adalah seperti di bawah ini:

1. *Cherita Rokambol dalam Jel dan di-Paris* (398 hlm.)
2. *Cherita Rokambol dalam Siberia* (400 hlm.)
3. *Cherita Rokambol dengan Puteri Russian yang ‘Asyik* (498 hlm.)
4. *Cherita Rokambol dengan Korban Hindi* (502 hlm.)
5. *Cerita Rokambol dengan Malium Kaum Nor* (508 hlm.)

6. *Cherita Rokambul dengan Taman Penglipur Lara* (296 hlm.)
7. *Cherita Rokambul dengan Perbendaharaan Hindi* (509 hlm.).

Sebetulnya, Perpustakaan Peringatan Za'ba (PPZ) (Universiti Malaya, Kuala Lumpur) rupanya mempunyai koleksi Rocambole yang paling lengkap. Dalam katalognya tercatat sebuah lagi Rocambole, yakni *Cetera Rukumbul dengan anak laki2 Ireland*. Tahun lepas, saya sempat melihat semua buku tersebut di PPZ, kecuali buku yang kedelapan yang tidak dapat ditemukan oleh pustakawan. Menurut Za'ba (1939: 154), masih banyak lagi cerita Rocambole dimuat dalam *Saudara*, yang pada waktu artikelnya diterbitkan belum dibukukan. Buku yang kedelapan ini mungkin mengandungi cerita-cerita yang belum dibukukan itu. Dalam katalog PPZ, terdapat juga manuskrip nombor 189 yang bertajuk *Cerita Rokambol*, tetapi belum boleh dilihat kerana sedang dimikrofilm.

Kata pengantar dan, lebih jarang, kata penutup teks-teks tersebut memberi maklumat, antara lain, mengenai maksud penterjemah/penyadur. Sepanjang pengetahuan saya, sampai sekarang belum ada usaha untuk mencari cerita Rocambole Perancis yang tersembunyi di sebalik tajuk dalam bahasa Melayu. Menurut William Roff (1974), tajuk-tajuk yang diberikan Za'ba (1939) itu lain sama sekali daripada tajuk-tajuk karya Ponson du Terrail. Dia menyatakan juga oleh kerana Syed Syeikh al-Hadi berkemungkinan membuat terjemahan/sadurannya atas suatu versi Arab, maka perbandingan dengan teks Perancis tidak akan begitu produktif (h. 462). Di bawah ini, kita akan melihat sendiri hal itu tidaklah sedemikian jadinya.

Kini, sampailah masa untuk mengkaji dan membandingkannya dengan karya Perancis dengan menitikberatkan buku yang pertama yang pada waktu ini adalah buku yang saya selidiki dengan lebih mendalam. Sumber saya untuk menulis bahagian ini adalah kata pengantar Laurent Bazin pada edisi 1992 daripada *Les Exploits* dan *La Résurrection de Rocambole*. Buku pertama ini terdiri dari lima penggal dan mengandungi dua buah cerita. Setiap penggal dibahagi dalam beberapa bahagian yang tidak diberi subtajuk. Dalam penggal pertama, terdapat cerita yang pertama dan dalam keempat-empat penggal yang lain, cerita yang kedua. Penggal yang pertama bertajuk Hikayat Rokambol di dalam Jel. Penggal ini terdiri daripada satu 'pendahuluan' (4 muka surat), dengan ceritanya sendiri (dari muka surat 1 sampai pertengahan muka surat 81) yang diberi tajuk yang lain, yakni Jel Negeri Toulon, dan satu kata penutup (dari pertengahan muka surat 81 sampai permulaan muka surat 82). Bukan sahaja dalam buku pertama ini, tetapi juga dalam buku-buku yang lain, tidak ada istilah yang menunjukkan bahawa Syed Syeikh adalah penterjemah atau penyadur. Di sampul penggal-penggal, terdapat istilah pengarang yang pada waktu itu mungkin tidak bererti pencipta sesuatu karya, tetapi penulis sesuatu tulisan sahaja. Nama pencipta Rocambole ini pun tidak dikutip dan tidak ada maklumat tentang versi yang dipakai Syed Syeikh untuk menyusun terjemahan/sadurannya. Tetapi, kalimat yang berikut yang dikutip dari pendahuluan Syed Syeikh yang tersebut di atas,

yakni ‘Hikayat ini ialah suatu cerita yang panjang dan masyhur jadinya di dalam negeri Perancis’, menunjukkan bahawa Syed Syeikh bukan pencipta cerita-cerita ini.

Cerita yang kedua, mulai dari penggal kedua, bertajuk *Cetera Rokambol di Paris*. Seperti yang telah saya terangkan tadi, ia terdiri daripada empat penggal dengan muka suratnya berjumlah 396 halaman. Setiap penggal mengandungi satu pendahuluan yang singkat. Mulai pertengahan muka surat 396 hingga muka surat 398, ada satu catatan di kata penutup: 10 March 1929. Apakah ini tarikh keseluruhan buku atau tarikh penggal yang terakhir ini sahaja? Tidak ada petanda lain yang memungkinkan dijawabnya pertanyaan ini. Setiap penggal bertajuk *Cetera Rokambol di Paris* atau *Rokambol di Paris* sahaja dan mempunyai sub-tajuk yang berlainan: atau peperangan antara kejahatan dengan kebaikan di dalam kehidupan Antoinette dengan Agénor untuk penggal yang kedua; Antoinette terkena aniaya atau peperangan di antara kejahatan dengan kebaikan dalam kehidupan Antoinette dengan Agénor untuk penggal yang ketiga, dan atau peperangan antara kejahatan dengan kebaikan, perlawanan antara Rokambol dengan Timoléon di dalam kehidupan Antoinette dengan Agénor untuk penggal yang keempat dan kelima.

Terdapat sebetulnya 8 buku cerita Rokambol seperti yang disenaraikan di bawah ini:

1. *Hikayat Rokambol di dalam Jel/Jel Negeri Toulon* (82 hlm.) dan *Cetera Rokambol di Paris* (398 hlm.)
2. *Cetera Rokambol di dalam Siberia* (400 hlm.)
3. *Cetera Rokambol dengan Puteri Rusyan yang Asyik* (498 hlm.)
4. *Cetera Rokambol dengan Korban Hindi* (502 hlm.)
5. *Cetera Rokambol dengan Miliun Kaum al-Nur* (508 hlm.)
6. *Cetera Rokambol dengan Taman Penglipur Lara* (100 hlm.)
7. *Cetera Rokambol dengan Perbendaharaan Hindi* (509 hlm.)
8. *Cetera Rukumbul dengan anak laki2 Ireland* (? hlm.)

Kajian mengenai tajuk, pendahuluan, kata penutup dan isi kandungan buku yang pertama memungkinkan saya menyatakan Syed Syeikh al-Hadi memulakan versi Melayunya dari *La Résurrection de Rocambole*. Cerita pertama buku ini bertajuk ‘Jel negeri Toulon’ yang merupakan terjemahan/saduran bab pertama daripada *La Résurrection*, yakni ‘Le Bagne de Toulon’. Tambahan lagi, dalam pendahuluan ‘Jel Negeri Toulon’, Syed Syeikh menerangkan dia sengaja membiarkan cerita yang sebelumnya. Katanya, dia tidak ambil perkelilingannya yang pertama, kerana mengandungi ceritanya yang sangat dahsyat pada melakukan tiap-tiap jenis kejadian daripada samun curi tipu dan tiap-tiap perkara yang tiada patut dibaca sama sekali oleh orang-orang yang belum tetap-tetap akhlakunya. Oleh itu, dia hanya membuat ikhtisar cerita ini, maka memulakan ceritanya pada perkelilingannya yang kedua di mana Rokambol, sesudah

bertaubat, melawan orang-orang jahat, yang memang merupakan intisari *La Résurrection de Rocambole*. Pendekatan ini betul-betul sesuai dengan misi Syed Syeikh al-Hadi yang tercermin dalam tulisan-tulisannya, yakni, seperti yang sudah diterangkan tadi: menyebarkan pikiran reformis Islam dan — khususnya mengenai *Rocambole* — semacam ajaran moral yang tertentu. Lihat Sampul versi Malaysia daripada *Le baigne de Toulon*, yakni *Hikayat Rokambol di dalam jel*. Di Lampiran 2 dan halaman pertama versi Indonesia dan versi Malaysia daripada *La Résurrection de Rocambole* di Lampiran 3.

Sekarang ingin saya menentukan cerita Perancis yang mana yang diterjemahkan/diadur oleh Syed Syeikh dalam *Cetera Rokambol di Paris*, yakni cerita kedua daripada buku pertama versi Melayunya, dan dalam ketujuh bukunya yang lain. Dalam *Cetera Rokambol di Paris*, diterjemahkan/diadur penggal kedua (yakni Antoinette), ketiga (yakni Saint-Lazare) dan bab pertama penggal keempat, yakni *L' Auberge maudite* (Rumah penginapan terkutuk) daripada *La Résurrection*. *Cetera Rokambol di Siberia* (buku kedua), dan *Cetera Rokambol dengan Puteri Rusyan yang asyik* (buku ketiga) merupakan terjemahan/saduran bab kedua *L' auberge maudite*, penggal keempat, yakni *La maison de Fous* (Rumah orang gila), kelima yakni *La Rédemption* (Penebusan dosa) dan keenam, yakni *La vengeance de Vasilika* (Pembalasan dendam Vasilika) — juga yang terakhir — daripada *La Résurrection de Rocambole*. *La vengeance de Vasilika* berakhir dengan kalimat *Non, Rocambole n'est pas mort* (Bazin 1992: 748), yang persamaannya dalam teks Melayu: Rokambol belum mati lagi, yang terdapat beberapa kalimat sebelum akhir bukunya.

Saya belum menyelidiki dengan mendalam keempat-empat buku petualangan Rokambol yang terakhir. Tetapi, atas dasar tajuk buku-buku ini, dan juga kata penutup Syed Syeikh al-Hadi pada *Puteri Rusyan*, saya boleh memperkirakan teks Perancis yang mana yang diterjemahkan/diadur oleh Syed Syeikh dalam buku-buku tersebut. Seperti yang diterangkan tadi dalam *Le Dernier mot*, Rokambol berada di India. Jadi, mungkin beberapa episod daripada *Le Dernier mot* ini adalah terjemahan/saduran daripada *Cetera Rokambol dengan Korban Hindi* dan *Cetera Rokambol dengan Perbendaharaan Hindi*. Boleh juga diperkirakan *Cetera Rokambol dengan Miliun Kaum Al-Nur* adalah terjemahan/saduran daripada bab terakhir *Le Dernier mot* yang bertajuk *Les millions de la bohémienne* (Éd. Charlieu Frères et Huilly, dikutip oleh Didier Blonde 1992: 161). *Cetera Rokambol dengan Taman Penglipur Lara* dan *Cetera Rokambol dengan laki-laki Ireland* mungkin adalah terjemahan/saduran daripada *Les Démolitions de Paris* dan *Les Misères de Londres*. Hipotesis ini tentu masih memerlukan penyelidikan mendalam. Penyelidikan inilah yang akan saya lakukan dalam suatu kajian yang lain.

PERBANDINGAN VERSI LIE KIM HOK DENGAN VERSI SYED SYEIKH
BIN SYED AHMAD AL-HADI

Rocambole versi Indonesia terdiri daripada lima buah buku yang diterbitkan di Betawi oleh Hoa Siang In Kiok dari tahun 1910 hingga tahun 1913. Di sini, saya memetik tajuk buku-buku tersebut daripada kajian Claudine Salmon (1981: 532):

1. *Boekoe tjerita kawanan pendjahat* (1910, 7 jilid, 569 hlm.)
2. *Kawanang bangsat, samboengan kawanang pendjahat* (1910, 10 jilid, 834 hlm.)
3. *Penipoe besar, samboengan Kawanang bangsat* (1911, 12 jilid, 991 hlm.)
4. *Boekoe tjerita pembalasan Baccarat, samboengan Penipoe besar* (1912, 317 hlm.)
5. *Rocambole binasa, samboengan Pembalasan Baccarat* (1913, 7 jilid, 596 hlm.)

Walaupun belum sempat memeriksa kesemua buku tersebut dengan mendalam, namun boleh diperkirakan bahawa empat buku yang pertama itu merupakan terjemahan/saduran siri pertama *Les Drames de Paris*.

Oleh kerana versi Lie Kim Hok itu lebih tua daripada versi Syed Syeikh al-Hadi, William Roff (1974) mempertanyakan apakah teks Syeikh Syeikh tidak diilhami oleh teks Lie Kim Hok. Saya rasa tidak. Pertama, ia berbeza dengan versi Lie Kim Hok, kerana Syed Syeikh al-Hadi tidak menterjemahkan/menyadur episod-episod sebelum *La Résurrection de Rocambole* atas alasan moral. Sebaliknya, bertentangan dengan Lie Kim Hok, Syed Syeikh Al-Hadi menterjemahkan/menyadur sambungannya. Tetapi, kerana kedua-duanya menterjemahkan/menyadur keseluruhan *La Résurrection de Rocambole*, boleh diperkirakan bahawa versi Lie Kim Hok yang lebih lama mempengaruhi versi Syed Syeikh. Ada beberapa petanda menunjukkan mungkin tidak begitu halnya. Pada awal versi Lie Kim Hok, Rokambol ditahan di Cadix, sedangkan dalam versi Syed Syeikh, di Toulon. Seperti telah diterangkan di atas, Ponson tidak meneruskan petualangan Rokambol selama beberapa tahun sesudah penerbitan *Les Chevaliers du Clair de Lune*, kerana episod ini tidak mendapat sambutan baik daripada pembaca. Waktu dia menulis kembali cerita sambungan itu, dia mulakan siri kedua *Les Drames de Paris* sesudah *La Revanche de Baccarat*, yakni bab terakhir daripada *Les Exploits de Rocambole*. Di sini dia merobah dua hal. Pertama, dalam siri baharunya, wajah *Rokambol* menjadi utuh kembali, selain dia bukan lagi ditahan di Cadix, tetapi di Toulon. Hal ini menunjukkan teks asal Lie Kim Hok lain daripada teks asal Syed Syeikh. Akhirnya, mulai paragraf pertama *Le Bagne de Toulon*, kita melihat bahawa cara penterjemahan Lie Kim Hok dan Syed Syeikh berbeza sama sekali. Ayat Lie Kim Hok pendek, sedangkan ayat Syed Syeikh panjang, sebahagian yang ada dalam karya asli dan dalam versi Lie Kim Hok tidak terdapat dalam versi Syed Syeikh.

LAMPIRAN I

LA RÉSURRECTION
DE
ROCAMBOLE

La cloche du bague venait de sonner le repos de midi.

Les chiourmes de la *grande fatigue* cherchaient l'ombre, car le soleil de juin flamboyait sur Toulon.

Les uns s'étaient réfugiés sous la carene d'un vieux navire, les autres se mettaient à l'abri derrière des poutres de bois de construction.

Quelques-uns, bravant la canicule, se couchaient à plat-ventre sur le sol brûlant de l'Arsenal.

D'autres encore se promenaient silencieux, deux par deux, rivés à la même chaîne d'infamie.

— *Cent-dix-sept*, dit une sorte de géant au visage

LAMPIRAN 2

جیل نگرې تولون

مېگن ساتو

سني متھاري فرتھامن لاهيت. دان بر بوييله جم بڼ مېري
 ناهو وقتو فرتھامن هاري. مک بر بوييله لوجيچ جيل ايت مېري
 کسان کليان اورغ ۲ جيل بڼ تر کتا حکم بڼ برات دهن
 سني ماس برام ستريحه. مک اداله کشتان بڼغه دنهگوش اوله
 مريکيت ساته دهشتن هتک ملسکن. اذان مريکيت درفد
 بر کاي. مک دهن بر بويي لوجيچ ايت بر لاريله ماسيچ ۳ کتفه
 ۴ د ناوش يوله بر تدوه درفد فانس متھاري بوان جون بڼ ساهه
 مېتر باهوش ددالم نگرې تولون ايت. مک بر تدوهله سته درفد
 مريکيت دناوشن سبواه فرامو بڼ لام بڼ تله روسق تياداف بڼ
 نيگکل لاکي هيله سديکيت ۲ درفد رعکاک. دان ستههش فول
 دودق دباوه نارهن بيراف فائن دان کايو بڼ تر سدي کوان
 مياشونکن فرامو بڼ بهارو.

اداله عاده جيل تولون ايت ممگيل نام تيت ۲ سئورغ درفد
 اورغ ساهه بتر کنا جيل ايت دهن مېرک سهاج. مک اد سئورغ
 ساهه دسبو مېرک دتفگيل اورغ 117 (مرايس توجي بلس).

LAMPIRAN 3



BOEKOE TJERITA ROCAMBOLE BINASA.

(Samboengan Pembatesan Baccarat).

I.

Lontjeng di pemboewian di Cadix diboenjen aken ari taoe, jang orang-orang hoskoeman dapat waktoenja brenti kerdja tengah-hari.

Orang-orang hoskoeman djalan ka sana-sini, pergi ka bujangan poehoen-poehoen; ada djoega jang pergi menedoen di satoe kapal toewa jang telah dinaikken ka darat, sedang antara marika itoe ada banjak jang sabelah kakinja direntjengken dengan sapotong rante pada sabelah kakinja lain orang, hingga djikaloe satoe berdjalan, orang jang lain itoe misti tuerot berdjalan.

„117,” kata saorang tinggi-besar pada satoe lelaki moeda jang direntjengken padanja: „apa kaeo hendak tidoer? akoe ingin pergi dengari tjeritanja Cocodes. Och, marilah kita ondeken sadja perkara ini! Kaloe kaeo menang, akoe bierken kaeo tidoer; kaloe tida, lantas kita pergi dengar Cocodes berjerita.”

„Baik,” sahoet No. 117, jang beserta teman-nya itoe ada di samping satoe toempoekan balok.

Itoe orang tinggi besar, Milo namanja, kalau,

RUJUKAN

- A. Wahab Ali. 1991. *The emergence of the novel in modern Indonesian and Malaysian literature: a comparative study*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Alijah Gordon. 1999. *The real cry of Syed Shaykh al-Hady with selections of his writings by his Son Syed Alwi al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysian Sociological Research Institute.
- Blonde, Didier. 1992. *Les voleurs de visages. Sur quelques cas troublants de changement d'identité: Rocambole, Arsène Lupin, Fantômas, & Cie*. Rocambole, Arsène Lupin, Fantômas dan lain-lain. Paris: Métailié.
- Li Chuan Siu. 1986. *Ikhtisar sejarah kesusasteraan Melayu baru 1830-1945*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Nio Joe Lan. 1962. *Sastera Indonesia-Tionghoa*. Jakarta: Gunung Agung.
- Pérès, Henri. 1937. Le roman, le conte et la nouvelle dans la littérature arabe moderne *Annales del'Institut d'Études Orientales d'Alger*, tome III, Paris.
- Ponson du Terrail. 1992. *Rocambole. Les Exploits de Rocambole*. Paris, Robert Laffont, Collection Bouquins. [suntingan naskah dan kata pengantar dikerjakan oleh Laurent Bazin].
- Ponson du Terrail. 1992. *Rocambole. La Résurrection de Rocambole*. Paris: Robert Laffont, Collection Bouquins. [Disunting oleh Laurent Bazin].
- Roff, William. 1974. The Mystery of the First Malay Novel (and who was Rokambul? *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 130: 350-464.
- Salmon, Claudine. 1981. *Literature in Malay by the Chinese of Indonesia, a provisional annotated bibliography*, Paris, Éditions de la Maison des Sciences de l'Homme, Études insulindiennes. Paris: Archipel.
- Salmon, Claudine. 1996. Asal-usul novel Melayu moden: Tjhit Liap Seng (Bintang Tujuh) Karangan Lie Kim Hok (1886-1887), hal. 211-263. Dlm Leo Suryadinata (ed.) *Sastra peranakan Tionghoa Indonesia*. Jakarta: Grasindo.
- Talib Samat. 1992. *Syed Syeikh Al-Hadi sasterawan progresif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Watson, C.W. 1971. Some preliminary remarks on the antecedents of modern Indonesian literature. *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde* 127(4): 417-433.
- Za'ba. 1939. Modern Developments. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 17(3): 139-142.
- Zaini-Lajoubert, Monique. 1996. Syair Cerita Siti Akbari Karya Lie Kim Hok (1884), Penjelmaan Syair Abdul Muluk (1846), hal. 211-263. Dlm Leo Suryadinata (ed.) *Sastra Peranakan Tionghoa Indonesia*. Jakarta: Grasindo.

Dr. Monique Zaini-Lajoubert

Penyelidik di Centre National de la Recherche Scientifique (CNRS);

dan juga Pengajar Sastera Melayu di Institut National des Langues et Civilisations Orientales (INALCO), Paris.

e-mail: lajoubert@pop.magic.fr